



BE
AWE
SOME
BE
MASS
CO
MM



VOLUME
02

APABILA IJAZAH ADALAH SEGALA-GALANYA

Oleh : Ahmad Fedtri Yahya

Dunia yang semakin maju memperlihatkan percambahan ilmu yang kian pesat dalam ketamadunan manusia. Keilmuan merupakan satu 'harta suci' yang sangat berharga untuk dimiliki oleh setiap orang. Setiap daripada kita akan berusaha sebaik mungkin untuk memperoleh sesebuah ilmu demi memenuhi tuntutan agama yang meletakkan perjuangan menuntut ilmu itu sebagai satu kefardhuan.

Daripada Anas bin Malik berkata, telah bersabda Rasulullah SAW: *Barangsiapa keluar (pergi) untuk mencari ilmu maka dia berada di jalan Allah sehingga dia kembali.*

(Hadis Riwayat Tarmidzi)

Hadis tersebut menjelaskan betapa suci dan tingginya darjat orang yang menuntut ilmu sehinggakan seseorang itu dikira sebagai sedang berjuang di jalan Allah. Namun, kesucian perjuangan menuntut ilmu itu telah dicemari dengan sikap manusia yang hanya mementingkan duniawi tanpa mengambil kira aspek dosa dan pahala dalam kehidupan yang sementara ini.

Tuntutan pasaran dunia telah meletakkan ijazah sebagai satu identiti kepada keilmuan seseorang menyebabkan munculnya individu-individu yang memperjual belikan nilai keilmuan. Berita yang hangat tersebar tentang beberapa tokoh terkenal yang memiliki ijazah palsu memperlihatkan betapa rakusnya manusia terhadap sijil dan pengiktirafan manusia. Golongan ini sanggup menabur wang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab asalkan mereka

memperoleh segulung ijazah dan pengiktirafan dengan begitu mudah sekali. Jelas, perbuatan ini menghina institusi keilmuan yang maha suci.

Rasulullah SAW bersabda: *Barangsiapa mengangkat senjata terhadap kami maka dia bukanlah golongan kami, dan barangsiapa menipu kami maka dia bukan golongan kami.*

(Hadis Riwayat Muslim)

Hadis tersebut menunjukkan betapa laknatnya perbuatan menipu sehinggakan orang yang menipu itu dianggap bukanlah daripada golongan umat Nabi Muhammad SAW. Kegiatan membeli ijazah jelas menunjukkan satu pembohongan dalam dunia keilmuan. Jenayah ini lazimnya dilakukan sebagai jalan mudah untuk seseorang itu berjaya dalam kehidupan khususnya dalam dunia pekerjaan.

Namun, satu perkara yang ramai terlepas pandang ialah, pembohongan menutup pintu berkat.

Penggunaan ijazah palsu dalam pekerjaan akan membuatkan rezeki seseorang itu tidak berkat. Sebanyak mana pun rezeki dan kekayaan yang diperoleh hasil usaha keras dalam menjayakan sesuatu pekerjaan akan tetapi jika tiada nilai berkat dalam rezeki itu maka tiada gunanya. Sanggupkah anda menyuapkan rezeki yang haram kepada darah daging anda sendiri?

Secara tidak langsung, penggunaan sumber yang haram inilah yang akan membentuk satu generasi yang penuh dengan masalah lantaran permulaannya dipenuhi dengan dosa penipuan.

Tidak dapat dinafikan bahawa individu

yang memiliki pencapaian tinggi dalam akademik akan disanjung. Namun, sanjungan itu adalah satu sanjungan hormat dan sanjungan bertempat bersesuaian dengan penat lelah seseorang itu dalam menuntut ilmu dan menempa kejayaan. Akan tetapi, sanjungan bukanlah perkara yang dicari bagi golongan ilmuwan. Kepentingan bagi mereka adalah nilai ilmu itu sendiri.

Pengiktirafan dan sanjungan manusia tiada ertinya apabila hasil kerja itu mempunyai unsur-unsur penipuan. Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua. Segala hasil kerja yang dilakukan selama ini akan menjadi sia-sia tatkala penipuan itu mula terdedah satu persatu. Kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. Dek kerana satu penipuan, habis punah semua jasa dan kebaikan yang dilakukan selama ini. Lihatlah, betapa rugi dan padahnya apabila nilai moraliti tiada dalam prinsip diri. Bruce Lee pernah berkata,

Knowledge will give you power, but character respect.

Mereka yang mengukur tahap kejayaan dan ilmu seseorang berdasarkan pencapaian akademik dan segulung ijazah semata-mata adalah golongan manusia yang berfikir sempit. Mereka hanya memandang seseorang berdasarkan aspek luaran. Golongan manusia seperti inilah yang acap kali menghakimi kehidupan seseorang mengikut kehendak mereka sendiri.

Namun pada hakikatnya, ijazah bukanlah segala-galanya. Tahap ilmu pengetahuan seseorang itu tidak boleh dihakimi berdasarkan pencapaian akademik yang diperoleh semata-mata sebaliknya sejauh mana sesuatu ilmu dipraktikkan itulah indikator utama kepada seorang ilmuwan. Ilmu yang diperoleh tersemat rapi dalam dada dan bukannya pada buku.

Satu hakikat yang perlu disedari kepada penyandang ijazah palsu ialah manusia pada masa kini sudah bijak menilai. Mereka menilai seseorang itu bukan pada ijazahnya, bukan pada pangkat

doktor falsafahnya tetapi pada nilai ilmu yang ada padanya.

Pemilik ijazah palsu juga dianggap sebagai pengkhianat agama. Hal ini berikutan Islam merupakan sebuah agama ilmu dan perbuatan ini jelas bertentangan dengan prinsip akhlak yang disarankan dalam Islam. Golongan mahasiswa palsu ini secara tidak langsung telah mengkhianati golongan mahasiswa sebenar yang bersusah payah dalam menuntut ilmu. Rata-rata mahasiswa masa kini perlu menghabiskan sekurang-kurangnya tiga tahun proses pembelajaran di institusi masing-masing dalam memastikan mereka memperoleh ilmu dan segulung ijazah.

Ilmu bukanlah untuk dijual beli. Ilmu adalah satu anugerah daripada Yang Maha

Mengetahui kepada hamba-Nya untuk dikongsi bersama. Sebarkanlah ilmu yang diperoleh seikhlas hati kerana ilmu yang diberikan Allah kepada hamba-Nya adalah percuma tanpa bayaran. Layakkah hamba memperdagangkan ilmu yang diberi percuma oleh Tuannya?

Knowledge is not a shop for profit or sale, but a rich storehouse for the glory of the Creator, and the relief of men's estate

(Francis Bacon)

Jenayah jual beli ijazah palsu ini bukan perkara baharu dalam masyarakat kita. Namun perkara ini menjadi satu bualan hangat lantaran satu figura yang

cukup dihormati masyarakat dikatakan memiliki ijazah beli ataupun ijazah palsu. Banyak lagi kes seumpama ini dipercayai berlaku yang lazimnya terdiri daripada golongan kenamaan. Golongan ini sanggup melabur kepada sebuah penipuan demi memperoleh sebuah penghormatan dan kekayaan.

Segulung ijazah tidak membuktikan anda berilmu. Doktor pada pangkal nama tidak membuktikan anda yang terpandai. Namun, ilmu yang diamalkan itu yang menjadikan anda seorang yang berilmu. Biarkan sedikit ilmu yang dikutip, asalkan ianya diamal, disebar dan dimanfaatkan sebaiknya.

